

## KOMUNIKASI INTERPERSONAL GURU DALAM PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN: PERANAN DAN CABARAN

Saidatul Nadhirah Binti Jamaluddin

*saidatulnadhirah199@gmail.com*

Mohd Isa Hamzah

*[isa\\_hamzah@ukm.edu.my](mailto:isa_hamzah@ukm.edu.my)*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### ABSTRAK

Komunikasi merupakan proses sosial yang penting dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Komunikasi yang berkesan dapat melancarkan sesi pengajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas. Salah satu komunikasi yang harus diberi perhatian adalah komunikasi interpersonal. Ia merupakan elemen penting yang perlu ada dalam diri seorang tenaga pengajar. Kemahiran interpersonal ini dapat ditingkatkan melalui proses pembelajaran dan pengalaman. Secara khususnya, kajian ini melihat kepada peranan guru dalam mengaplikasikan komunikasi interpersonal sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran komunikasi interpersonal guru dapat membantu seseorang guru itu dalam menjalankan tugas. Kemahiran ini turut membantu guru dalam menyampaikan maklumat atau pengetahuan dengan lebih tepat. Kajian ini dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menguasai kemahiran komunikasi interpersonal oleh tenaga pengajar disamping membantu dalam meluaskan pengetahuan mengenai komunikasi interpersonal yang baik. Tenaga pengajar yang menguasai kemahiran komunikasi interpersonal mampu menjadikan pengajaran lebih menarik dan berkesan.

**Kata kunci:** *komunikasi, interpersonal, pengajaran dan pemudahcaraan*

### PENGENALAN

Pelajar menjadikan guru sebagai idola mereka. Setiap gerak-geri dan kata-kata guru diperhatikan oleh para pelajar dan menjadikan guru mereka sebagai ikutan dan contoh. (Khalip Musa & Hariza Abd. Halim, 2015) menerangkan bahawa pelajar lebih menghormati dan menggemari seorang guru yang menepati masa, sabar ketika mengajar, berkeyakinan tinggi dan bertanggungjawab menjalankan amanah mengajar anak murid. Pelajar juga lebih gemar mendampingi guru yang memiliki personaliti menarik seperti peramah, penyayang, mengambil berat, prihatin dan pandai bergurau. Kemahiran ini memerlukan komunikasi yang merupakan suatu elemen penting yang perlu dikuasai oleh setiap guru ketika melaksanakan aktiviti pengajaran (Noor Shamshinar Zakaria, Nor Azhan Norul ‘Azmi & Harun Baharudin, 2019).

Sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan mewujudkan interaksi diantara guru dengan pelajar. Melalui interaksi seseorang guru itu dapat bertukar pendapat dan berkongsi pengetahuan serta pengalaman dengan para pelajar. (Nordin Halias, Zawawi Ismail & Harun Baharudin, 2017) menyatakan bahawa hubungan komunikasi dua hala yang berkesan mempengaruhi proses Pengajaran dan Pemudahcaraan serta memberi kesan positif kepada perkembangan para pelajar. Penggunaan komunikasi yang tepat juga memainkan peranan penting dalam penyampaikan maklumat dan proses didikan kepada pelajar.

Seorang guru cemerlang bukan sahaja perlu mempunyai kemahiran berkomunikasi, bahkan juga kemahiran interpersonal. Hal ini kerana, melalui kemahiran interpersonal para guru dapat menyampaikan ilmu pengetahuan dengan lancar dan mudah difahami oleh pelajar (Syofia Ulfah, Zamri Mahamod, Jamaluddin Badusah & Hamidah Yamat, 2012). Guru yang mempunyai kemahiran komunikasi interpersonal lebih mudah menyesuaikan diri dengan pelajar, guru-guru lain dan dengan persekitarannya.

## DEFINISI KOMUNIKASI

Setiap hari pasti kita berkomunikasi dengan orang yang berada di sekeliling kita seperti ahli keluarga, rakan-rakan serta jiran tetangga. Komunikasi boleh berlaku dalam pelbagai cara. Ia boleh terjadi samada secara langsung atau tidak langsung, atau dalam situasi yang disedari atau tidak. Komunikasi bukan hanya melibatkan pertuturan atau percakapan dengan diri kita semata-mata tetapi juga berkomunikasi dengan individu lain atau dengan alam sekitar. Menurut (Khalip Musa & Hariza Abd. Halim, 2015), seseorang individu tidak akan dapat berkomunikasi tanpa kehadiran individu yang lain.

Terdapat beberapa definisi komunikasi yang berbeza, antaranya komunikasi adalah proses mewujudkan, memproses dan bertukar maklumat atau idea antara individu, kumpulan dan organisasi sosial. Komunikasi juga diterjemahkan sebagai proses sosialisasi asas dalam kehidupan harian manusia. Proses sosialisasi ini boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu, lisan, bukan lisan dan tulisan. (Khadijah Alavi & Maizatul Haizan Mahbob, 2017)

(Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj Johari, Ag Yusof Ag Chuchu & Halimah Laji, 2014) turut menjelaskan bahawa komunikasi bukan sahaja merupakan suatu proses seseorang individu berkongsi ataupun bertukar-tukar fikiran, idea atau maklumat malah individu juga berkongsi perasaan dengan orang lain semasa berkomunikasi. Proses ini dilihat memainkan peranan penting bagi menghubungkan diantara dua individu yang saling berkomunikasi supaya tujuan serta objektif komunikasi itu sendiri tercapai.

Komunikasi berkesan merupakan tunjang dalam mendapatkan maklumat yang jelas daripada penyampai kepada penerima. Pemilihan kaedah yang bersesuaian adalah perlu supaya maklumat yang diterima jelas, mudah difahami serta tidak menimbulkan salah faham. Penerimaan maklumat yang jelas dan berkesan menjadi dorongan bagi penerima maklumat untuk mengubah

sikap dan tingkah laku sesuai dengan maklumat yang disampaikan oleh pembawa maklumat. Penguasaan terhadap kemahiran komunikasi ini merupakan nilai tambah bagi membantu guru menjalankan tugasnya dengan cemerlang dan profesional (Noor Shamshinar Zakaria, Nor Azhan Norul ‘Azmi & Harun Baharudin, 2019).

## **DEFINISI INTERPERSONAL**

Interpersonal merupakan salah satu dari kecerdasan pelbagai yang terdapat dalam diri individu. (Norizah Tukiman, Abu Bakar Nordin & Zaharah Hussin, 2014) menjelaskan bahawa Teori Kecerdasan Pelbagai yang diperkenalkan oleh Gardner pada tahun 1983 menggabungkan aspek kognitif dan perkembangan sosio-psikologi dalam menjelaskan kecerdasan manusia. Berdasarkan teori ini, aktiviti serta latihan yang bersesuaian dapat meningkatkan kecerdasan pelbagai individu sekaligus membantu mereka menjalani kehidupan yang lebih .

Menurut Teori Kecerdasan Pelbagai, kemahiran interpersonal boleh didefinisikan sebagai keupayaan untuk berinteraksi dengan individu lain dan memahami mereka. Kemahiran interpersonal merupakan salah satu bentuk komunikasi. Komunikasi interpersonal berlaku apabila dua, tiga atau kumpulan berbual menyampaikan maklumat dan perasaan sama ada dalam bentuk bersemuka atau dalam bentuk meditasi. (Khalip Musa & Hariza Abd. Halim, 2015). Komunikasi ini boleh berlaku samada dengan secara berhadapan antara satu sama lain atau bersemuka secara atas talian (Richard A. Fiordo, 1990).

## **KONSEP KOMUNIKASI INTERPERSONAL**

(Khalip Musa & Hariza Abd. Halim, 2015) dalam kajian mereka turut menjelaskan bahawa komunikasi interpersonal dipanggil juga sebagai komunikasi muka ke muka atau komunikasi antara individu. Komunikasi interpersonal ini berlaku apabila dua atau beberapa individu berkomunikasi muka ke muka tanpa menggunakan perantaraan yang kompleks dan berorganisasi. Individu yang berkomunikasi akan menggunakan lebih dari satu pancaindera untuk menyerap maklumat dan seterusnya menghasilkan tindakbalas berdasarkan maklumat yang diterima. Tindakbalas dalam komunikasi interpersonal akan diperoleh dengan pantas dan segera hasil dari kaedah komunikasi yang berkesan.

Komunikasi interpersonal sebenarnya adalah suatu proses sosial, dimana orang-orang yang terlibat di dalamnya saling mempengaruhi antara satu sama lain. (Reni Suryani, 2019). Ia berlaku atas pelbagai sebab antaranya adalah untuk berkongsi maklumat, menyelesaikan masalah atau konflik, membaiki persepsi diri atau memenuhi keperluan sosial untuk saling menyayangi dan disayangi oleh individu lain (Judy C. Pearson, Paul Edward Nelson, 2000). (Mustika Chairani, Ida Wiendijarti & Dewi Noviant, 2009) juga mengatakan melalui interaksi dalam komunikasi

interpersonal, pihak-pihak yang terlibat dapat saling memberi inspirasi, semangat dan sokongan sekaligus mengubah pemikiran dan sikap individu.

(Tay Meng Guat, 2013) dalam kajiannya turut menyatakan bahawa komunikasi interpersonal yang melibatkan perbualan antara seorang individu dengan individu yang lain atau interaksi individu dengan sekumpulan individu dalam sesebuah komuniti membantu individu tersebut untuk memahami perlakuan dan cara berkomunikasi yang berbeza bagi setiap individu yang berlainan serta dapat berhubung dalam realiti masyarakat semasa.

Kedua-dua pihak yang terlibat dalam komunikasi interpersonal mempunyai sifat, nilai-nilai, pendapat, sikap, dan perilaku yang berbeza. Namun, dengan adanya tindakan saling memberi dan menerima diantara pemberi dan menerima maklumat membolehkan komunikasi interpersonal ini berlaku. Komunikasi interpersonal secara berhadapan membolehkan kedua-dua belah pihak menangkap reaksi secara langsung, baik secara lisan maupun bukan lisan. Komunikasi interpersonal sangat sesuai digunakan dalam proses untuk menasihati, mempengaruhi atau memujuk semasa berinteraksi dengan orang di sekeliling (Widya P.Pontoh, 2013).

Kenyataannya, komunikasi interpersonal secara berhadapan mewujudkan perasaan rapat dan akrab diantara pihak yang berinteraksi berbanding dengan berkomunikasi secara atas talian (Widya P.Pontoh, 2013). Ini kerana, menerusi komunikasi interpersonal, bahasa badan dan ekspresi muka juga digunakan untuk berinteraksi dan memberi tindak balas kepada maklumat yang diterima (Yeyen Rahma Putri & Muhammad Syafi'i, 2020).

## **PROSES KOMUNIKASI INTERPERSONAL**

Proses komunikasi interpersonal adalah langkah-langkah yang menggambarkan terjadinya kegiatan komunikasi. Kebiasaan kita tidak akan berfikir secara teliti mengenai perkara yang perlu dalam berinteraksi kerana aktiviti komunikasi telah menjadi rutin dalam kehidupan seharian. Walau bagaimanapun, jika seseorang individu tersebut lebih teliti dalam pemilihan kaedah yang bersesuaian dalam komunikasi, pasti hasilnya akan lebih memuaskan.

Sebagai permulaan, proses komunikasi interpersonal akan bermula apabila terdapat individu yang ingin menyampaikan maklumat atau mesej kepada individu lain secara lisan atau bukan lisan iaitu samada dengan menggunakan medium suara atau dengan medium tulisan (Widya P.Pontoh, 2013). Individu yang menerima maklumat seterusnya memberi respon yang bersesuaian supaya komunikasi tersebut akan berjalan lancar.

(Mira Sekar Arumi, Nurul Atiqoh & Sri Kijang Hartini , 2018) telah menyenaraikan ciri-ciri yang harus dimiliki oleh individu bagi memastikan proses komunikasi interpersonal yang dilaksanakan berkesan dan berjalan lancar. Antaranya adalah sikap berfikiran terbuka. Kesediaan individu untuk berinteraksi dengan orang lain adalah kunci utama dalam menjalankan proses komunikasi

interpersonal. Seseorang yang berfikiran terbuka akan lebih jujur dalam kata-kata dan akan dapat memberi lebih banyak maklumat kepada pihak yang menerima.

Kedua adalah sifat empati iaitu keadaan apabila seseorang individu itu dapat merasakan perkara yang dirasakan oleh orang lain dan merupakan komponen dalaman dari proses komunikasi sesama manusia. Proses empati berkait dengan proses mendengar. Apabila individu tersebut mendengar luahan hati pihak lawan, maka hubungan akan menjadi erat dan wujud sifat bertimbang rasa dengan orang lain. Sikap saling memberi sokongan adalah juga merupakan salah satu ciri proses komunikasi interpersonal yang lancar.

Berfikiran positif sewaktu berkomunikasi adalah berfikiran atau berpandangan baik terhadap orang lain. Aspek ini sangat penting dalam menjalin kerjasama dalam organisasi. Selain itu, adalah nilai kesamarataan iaitu tidak membandingkan seseorang individu dengan individu lain atau diri sendiri. Komunikasi interpersonal terjalin secara efektif jika individu yang berinteraksi melihat diri mereka dan pihak lain sebagai setara.

## **BENTUK KOMUNIKASI DI DALAM KELAS**

Terdapat dua bentuk komunikasi yang biasa digunakan dalam kehidupan seharian iaitu komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan. Proses komunikasi berlaku dalam hampir segala jenis aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Tay Meng Guat, 2013). Proses komunikasi di dalam kelas boleh berlaku secara lisan dan bukan lisan di mana guru yang menyampaikan pengetahuan dan kemahiran yang disampaikan bertujuan untuk mendapatkan gerak balas yang dikehendaki.

Antara contoh komunikasi lisan adalah apabila guru berinteraksi dengan murid ketika bercakap, memberi penjelasan, menyoal, menegur, mengarah, menghampiri, mengenakan denda dan sebagainya. Sementara komunikasi bukan lisan berlaku melalui pandangan mata, pergerakan badan, air muka, pakaian, keterampilan, mendengar, penggunaan gurau senda dan sifat semula jadi guru tersebut (Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj Johari, Ag Yusof Ag Chuchu & Halimah Laji, 2014).

## **HALANGAN KOMUNIKASI GURU**

(Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj Johari, Ag Yusof Ag Chuchu & Halimah Laji, 2014) dalam kajian mereka telah menyenaraikan faktor-faktor utama yang dikenal pasti sebagai penghalang kepada keberkesanan komunikasi lisan dan bukan lisan guru sewaktu sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan berjalan. Antara halangan komunikasi interpersonal antara guru dengan pelajar adalah faktor guru yang selalu tidak masuk kelas, guru yang tidak mengamalkan etika sebagai seorang guru, mempunyai personaliti dan gaya percakapan yang kurang sopan serta guru yang kurang persediaan untuk mengajar.

Halangan utama komunikasi guru dengan murid ialah guru yang selalu tidak masuk ke kelas. Masalah biasaannya berlaku apabila guru selalu tidak masuk ke kelas. Masalah ini merupakan faktor utama yang menghalang komunikasi guru dengan murid. Tanpa pemantauan daripada guru, pelajar berasa bebas melakukan perkara yang mereka kehendaki khususnya masalah disiplin (Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj Johari, Ag Yusof Ag Chuchu & Halimah Laji, 2014).

Guru yang tidak jujur dalam memikul tugas akan menghilangkan rasa hormat pelajar kepada guru. Akibatnya hubungan guru dengan murid akan menjadi jauh dan hambar. Situasi ini seharusnya dielak kerana gurulah yang sepatutnya menjadi panduan dan memberi tunjuk ajar supaya pelajar dapat menjadi seorang yang berbudi pekerti dan mempunyai personaliti yang baik pada masa hadapan.

Seterusnya dapatan kajian oleh (Noor Shamshinar Zakaria, Nor Azhan Norul ‘Azmi & Harun Baharudin, 2019) juga menunjukkan guru kurang kemahiran komunikasi interpersonal. Guru tidak dapat menunjukkan eksperesi muka yang sesuai semasa mengajar, guru hanya memberi tumpuan kepada pelajar ditaris hadapan serta kurang memberi penghargaan atau galakan kepada murid yang lemah semasa menjawab latihan dan tidak juga memberi pujian kepada murid yang berjaya menjawab dengan baik. Perkara tersebut dikatakan mempengaruhi keberkesanan pengajaran mereka akibat dari kemahiran komunikasi interpersonal yang lemah.

Menurut (Tay Meng Guat, 2013) pula, kemahiran komunikasi interpersonal bukanlah kemahiran yang sedia ada pada diri individu, ia merupakan kemahiran yang memerlukan kefahaman, latihan dan pengalaman kerana komunikasi interpersonal melibatkan dua orang manusia yang mempunyai berbagai-bagai perlakuan yang dipengaruhi oleh faktor psikologi, sosiologi dan juga budaya. Oleh itu, guru seharusnya meningkatkan kemahiran komunikasi interpersonal supaya sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan dapat berjalan lancar seperti yang dirancang.

## **PERANAN KOMUNIKASI INTERPERSONAL GURU**

Sewaktu sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan, guru memainkan peranan penting dengan menggunakan kaedah yang bersesuaian bagi memanipulasikan suasana pembelajaran agar dapat merangsang proses kognisi pelajar sekaligus meningkatkan kemahiran komunikasi interpersonal pelajar (Norizah Tukiman, Abu Bakar Nordin & Zaharah Hussin, 2014).

(Nordin Halias, Zawawi Ismail & Harun Baharudin, 2017) menyatakan bahawa kemahiran berkomunikasi boleh dikuasai melalui proses pembelajaran. Seharusnya guru yang merupakan ejen penggerak utama sewaktu sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan perlu bijak dalam memastikan penggunaan komunikasi interpersonal yang bersesuaian dengan keperluan pelajar. Kemahiran komunikasi interpersonal guru dilihat turut membantu dalam mengasah kemahiran sosial pelajar sewaktu berkomunikasi dengan guru maupun dengan rakan-rakan mereka.

(Mohamad Saiful Samsudin & Wan Shahrazad Wan Sulaiman, 2020) menjelaskan bahawa hubungan yang baik antara guru dan pelajar akan menimbulkan rasa hormat terhadap guru, selesa untuk belajar dan seterusnya mewujudkan perasaan minat terhadap subjek yang diajar oleh guru tersebut. Situasi ini seterusnya dapat meningkatkan motivasi dan komitmen pelajar untuk lebih tekun belajar serta mencapai keputusan yang lebih baik.

Merujuk kepada kajian (Nur Hanani Hussin, Mohd Aderi Che Noh & Ab. Halim Tamuri, 2013) guru seharusnya menggunakan kata-kata yang sopan apabila berkomunikasi dengan pelajar. Guru haruslah memanggil pelajar dengan nama panggilan yang disukainya. Kajian mendapati keberkesanan pengajaran dilihat kepada kemahiran komunikasi guru sewaktu sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan berjalan. Hasil dari komunikasi yang berkesan dapat membantu guru mengenal pasti tingkah laku murid. Melalui komunikasi interpersonal, guru berperanan menanamkan nilai-nilai murni dan positif sekaligus meningkatkan kemahiran sosial dan emosi pelajar.

Proses mengajar juga merupakan proses komunikasi interpersonal diantara guru dengan pelajar. Ini kerana mengajar adalah proses seseorang guru itu menyampaikan ilmu pengetahuan serta kata-kata nasihat. (Widya P.Pontoh, 2013) berpendapat bahawa seorang guru yang berkesan bukan sahaja mengajar mata pelajaran akademik, tetapi turut berperanan sebagai penilai, penjaga disiplin serta ibu bapa kepada pelajar di sekolah.

(Mustika Chairani, Ida Wiendijarti & Dewi Noviant, 2009) menjelaskan bahawa interaksi guru dengan pelajar kini dilihat semakin penting apabila guru turut menggalas tanggungjawab sebagai sahabat yang memberikan nasihat, pemberi motivasi yang memberi inspirasi dan dorongan, pembimbing dalam memupuk sikap dan tingkah laku serta nilai-nilai murni. Guru seharusnya mengenali pelajar mereka, menunjukkan dan memberikan kasih sayang, menghormati idea yang dikeluarkan oleh pelajar, membina potensi diri dan kemahiran mereka, serta menegur dengan kata-kata yang baik. Guru juga seharusnya menghukum untuk mendidik bukannya mendenda (Nur Hanani Hussin, Mohd Aderi Che Noh & Ab. Halim Tamuri, 2013).

Menurut (Mohamad Saiful Samsudin & Wan Shahrazad Wan Sulaiman, 2020), di sekolah guru juga berperanan sebagai penyiasat, pengadil, kaunselor dan pengurus apabila berlakunya pertelingkahan dan konflik sosial. Guru sebagai seseorang yang lebih banyak pengalaman perlu menggunakan kemahiran komunikasi interpersonal bagi meredakan keadaan dan menyelesaikan permasalahan yang timbul. Selain itu, apabila terdapatnya percanggahan fakta dalam subjek akademik, guru pula bertindak sebagai penilai dan mencari jawapan kepada perbezaan yang timbul.

(Khalip Musa & Hariza Abd. Halim, 2015) turut menyatakan bahawa seseorang guru itu berperanan untuk menimbulkan minat pelajar untuk belajar, memberikan tunjuk ajar cara pembelajaran yang berkesan, menjelaskan keraguan pelajar dan membantu mereka menyelesaikan masalah. Guru yang mempunyai kemahiran komunikasi interpersonal turut dapat membantu meningkatkan penguasaan kemahiran interpersonal para pelajar.

## CABARAN KOMUNIKASI INTERPERSONAL GURU

Arus perubahan sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan era baharu menjadikan tugas dan tanggungjawab seorang guru juga semakin bertambah. Jika dahulu tugas hakiki guru hanyalah mengajar, mendidik dan membimbing sahaja, kini guru juga terlibat dengan pelbagai tugas pentadbiran yang lain (Mohamad Saiful Samsudin & Wan Shahrazad Wan Sulaiman, 2020). Disebabkan bebanan tugas yang bertambah, para guru dikatakan tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menyediakan sesi pengajaran yang lengkap dan tidak dapat fokus kepada pelajar-pelajar yang memerlukan perhatian guru mereka. Ini kerana, fizikal yang tidak bertenaga menzahirkan komunikasi yang tidak berkesan ketika sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan.

Selain itu, pembangunan teknologi maklumat membuka peluang kepada pelaksanaan Pengajaran dan Pemudahcaraan di atas talian. Walau bagaimanapun kemahiran guru terhadap teknologi perlulah seiring dengan perkembangan teknologi kini. Desakan dan keperluan teknologi dalam pendidikan yang sentiasa berubah dari masa ke masa menyebabkan guru tidak dapat mengelak daripada mengikuti perubahan yang semakin meningkat. Walau bagaimanapun, prasarana dan teknologi perlu dibangunkan supaya teknologi dapat digunakan sebaiknya dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran komunikasi interpersonal guru dan pelajar (Nor Azhan Norul'Azmi & Noor Shamshinar Zakaria, 2019).

Para guru juga menghadapi cabaran dalam mengamalkan kemahiran Komunikasi Bukan Lisan di dalam kelas dan secara atas talian. Guru tidak dapat memenuhi kesemua keperluan murid sewaktu sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan berjalan di dalam kelas. Namun apabila Komunikasi Bukan Lisan dijalankan di atas talian pula, guru tidak peka dengan teknik yang sepatutnya dilaksanakan. Teknik dan strategi komunikasi interpersonal yang berkesan perlu dipatuhi untuk mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan. (Nor Azhan Norul'Azmi & Noor Shamshinar Zakaria, 2019)

## KESIMPULAN

Kemahiran komunikasi Interpersonal ini perlu dikuasai dengan baik oleh guru ketika menjalankan proses Pengajaran dan Pemudahcaraan. (Nor Azhan Norul'Azmi & Noor Shamshinar Zakaria, 2019) menerangkan bahawa kemahiran ini penting supaya murid dapat mempelajari dan menguasai ilmu yang disampaikan dengan lebih baik. Guru sebagai individu yang menyampaikan ilmu seharusnya menyelitkan nasihat dan motivasi kepada para pelajar sewaktu sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan dijalankan. Guru yang berkesan dalam pengajaran mestilah berupaya mengajar dengan baik dan mempunyai personaliti dan tingkah laku yang menarik serta disenangi pelajar.

Guru yang cemerlang sentiasa berusaha menjalankan tugasnya tanpa merungut atau mencuri tulang. Mereka akan berusaha sehabis baik walaupun menghadapi pelbagai masalah dan peningkatan beban kerja. Mereka melakukan kerja dan tanggungjawab dengan penuh kesungguhan

dan dedikasi. Kerajinan yang ditunjukkan oleh guru akan turut meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar. Pengaruh dan keakraban dapat memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar secara kognitif dan afektif jika wujud hubungan interpersonal yang baik dan positif antara guru dan pelajar (Khalip Musa & Hariza Abd. Halim, 2015).

Guru-guru yang sanggup meluangkan masa membantu pelajar yang memerlukan bantuan dan pertolongan dalam pelajaran akan memperoleh kepuasan dalam pekerjaannya. Sifat rajin menjadikan guru seorang model yang dihargai oleh pelajar. Rajin adalah nilai dan sifat-sifat yang harus dicontohi dan diajarkan kepada anak murid (Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj Johari, Ag Yusof Ag Chuchu & Halimah Laji, 2014)

Memiliki komunikasi interpersonal yang baik membantu guru menggunakan pelbagai bentuk komunikasi yang sesuai bagi meningkatkan kemahiran interpersonal pelajar. Bagi memastikan keberkesanan pengajaran, guru hendaklah mengambil inisiatif dengan berlatih, mendalami dan seterusnya menguasai kemahiran komunikasi interpersonal tersebut dengan sempurna. Usaha ini penting supaya guru memberikan yang terbaik dalam pengajaran dan dapat turut meningkatkan kemahiran pelajar (Tay Meng Guat, 2013).

## RUJUKAN

- Judy C. Pearson, Paul Edward Nelson. 2000. *An Introduction to Human Communication: Understanding and Sharing*. Amerika Syarikat: McGraw-Hill Higher Education.
- Khadijah Alavi & Maizatul Haizan Mahbob. 2017. Komunikasi Berkesan dengan Warga Emas: Dari Perspektif Intervensi Kerja. *Jurnal Komunikasi*, 21-37.
- Khalip Musa & Hariza Abd. Halim. 2015. Kemahiran Interpersonal Guru dan Hubungan dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 89-99.
- Mira Sekar Arumi, Nurul Atiqoh & Sri Kijang Hartini . 2018. Efektivitas Team Trainingterhadap Peningkatan Komunikasi Interpersonal Karyawan Level Manajerial Pt X. *Jurnal Mitra Manajemen*, Jurnal Mitra Manajemen.
- Mohamad Saiful Samsudin & Wan Shahrazad Wan Sulaiman. 2020. Hubungan Antara Tingkah Laku Interpersonal Guru, Kepuasan Kerja dan Kecenderungan BurnoutGuru-Guru Tingkatan Enam di Perlis. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1-9.
- Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj Johari, Ag Yusof Ag Chuchu & Halimah Laji. 2014. Komunikasi Guru Dalam Bilik Darjah Dan Tingkah Laku Delinkuen Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Pemikir Pendidikan* , 59-77.
- Mustika Chairani, Ida Wiendijarti & Dewi Noviant. 2009. Unikasi Interpersonal Guru Dan Orang Tua Dalam Mencegah Kenakalan Remaja Pada Siswa (Studi Deskriptif Pada Siswa Kelas Xi Sma Kolombo Sleman). *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 143-152.

- Noor Shamshinar Zakaria, Nor Azhan Norul ‘Azmi & Harun Baharudin. 2019. Kemahiran Komunikasi Bukan Lisan: Satu Kajian Terhadap Guru Pelatih Bukan Opsyen Dalam Pengajaran Bahasa Arab. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 1-10.
- Nor Azhan Norul‘Azmi & Noor Shamshinar Zakaria. 2019. Isu Pelaksanaan Komunikasi Bukan Lisan Dalam Pengajaran bahasa Arab Melalui Atas Talian. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 110-124.
- Nordin Halias, Zawawi Ismail & Harun Baharudin. 2017. *Komunikasi Bukan Lisan dalam Pengajaran Bahasa Arab*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norizah Tukiman, Abu Bakar Nordin & Zaharah Hussin. 2014. Peningkatan Kemahiran Menghafaz Surah Dan Doa Kanak-Kanak Prasekolah Melalui Pendekatan Berasaskan Teori Kecerdasan Pelbagai. *The Online Journal of Islamic Education*, 114-129.
- Nur Hanani Hussin, Mohd Aderi Che Noh & Ab. Halim Tamuri. 2013. Elemen Mengenali Murid dalam Pengajaran Guru. *The Online Journal of Islamic Education*, 10-19.
- Reni Suryani. 2019. Motivasi Belajar Dan Kecakapan Komunikasi Interpersonal Terhadap Prestasi Belajar Siswa Pada Pendidikan Kewarganegaraan. *Jurnal Hukum*, 557-574.
- Richard A. Fiordo. (1990). *Communication in Education*. Calgary, Alberta: Detselig Enterprises.
- Syofia Ulfah, Zamri Mahamod, Jamaluddin Badusah & Hamidah Yamat. (2012). Amalan Komunikasi Interpersonal Direktif Guru Bahasa Indonesia Ketika Memulakan Pengajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 71-83.
- Tay Meng Guat. (2013). Komunikasi Interpersonal Dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru Semasa Praktikum. *Jurnal Penyelidikan*, 1-17.
- Widya P.Pontoh. (2013). Peranan Komunikasi Interpersonal Guru Dalam Meningkatkan Pengetahuan Anak. *Journal Acta Diurna* , 1-11.
- Yeyen Rahma Putri & Muhammad Syafi'i. (2020). Penggunaan Whatsapp sebagai Media Komunikasi Interpersonal Pada Mahasiswa Perantauan Di Kota Batam. *Scientia Journal*, 1-6.